

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**  
**Peperiksaan Semester Kedua**  
**Sidang 1987/88**  
**HGF 221 - Geografi Fizikal**

**Tarikh:** 12 April 1988

**Masa:** 9.00 pagi - 12.00 tengahari  
(3 Jam)

Jawab **EMPAT(4)** soalan. **SOALAN NO. 1** daripada Bahagian A **MESTI** dijawab dan **SATU** soalan daripada setiap Bahagian B dan C. **SATU** soalan lagi daripada Bahagian B atau C. Setiap soalan memberikan 25 markah.

**BAHAGIAN A**

1. Tuliskan secara ringkas mana-mana **tiga(3)** daripada yang berikut:
  - (a) Aktiviti seismik
  - (b) Anomali magnet dan pertaliannya dengan struktur bumi
  - (c) Gelangsar tanah
  - (d) Kabut dan Kabus
  - (e) Arus Udara Jet

**BAHAGIAN B**

2. Tumbuh-tumbuhan dan litologi adalah sangat berperanan di dalam mengawal persekitaran. Huraikan dengan memberikan contoh-contoh yang sesuai.
3. Apakah yang dimaksudkan dengan paleomagnet? Bincangkan peranannya di dalam usaha mendalami pengetahuan tentang taburan benua masa kini.
4. Cerun dan saliran adalah dua fenomena yang berkait rapat. Bincangkan saling hubungan di antara dua fenomena ini di kawasan tropika lembap.

**BAHAGIAN C**

5. Bincangkan masalah alam sekitar yang berkaitan dengan pencemaran udara di kawasan bandar dengan menekankan aspek iklim.
6. Bincangkan sebab-sebab dan bukti-bukti yang menunjukkan berlaku perubahan iklim pada skala dunia.
7. Pengetahuan tentang kadar tukaran suhu dan ketidakstabilan sangat berguna bagi memahami pembentukan hujan. Bincangkan dengan memberikan contoh-contoh yang sesuai.

-ooo000ooo-